

Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

PERASMIAN KONVENSYEN PERDANA SEMPENA 40 TAHUN PENUBUHAN ITM



Timbalan Menteri Pendidikan Y.B. Dato' Khalid Yunus (kanan sekali) yang mewakili Menteri Pendidikan memotong pulut kuning sempena Perasmian Konvensyen Perdana.

Sempena dengan sambutan 40 tahun penubuhan ITM, satu Konvensyen Perdana telah diadakan pada 6 dan 7 Disember 1996 bertempat di Dewan Sri Budiman ITM Shah Alam. Upacara perasmian dilakukan dengan penuh warna warni dan gilang gemilang oleh Timbalan Menteri Pendidikan YB Dato' Khalid Yunus mewakili YB Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Razak. Konvensyen ini adalah merupakan acara kemuncak sambutan 40 tahun penubuhan ITM. Dua kertas kerja telah disampaikan oleh Dr. Mohd Yahya Nordin bertajuk 'Perkembangan dan Halatuju Pendidikan Tinggi di Malaysia' dan juga oleh Rektor ITM, Y.Bhg. Dato' Ir Dr Haji Ahmad Zaidee Laidin yang bertajuk 'Arah Tuju ITM di Dalam Mencapai Wawasan 2020'.

Selain dari kertas kerja, dua panel yang terdiri daripada bekas-bekas pengarah ITM dan juga Alumni ITM telah membincangkan forum bertajuk 'ITM : Dahulu, Kini dan Akan Datang' dan 'Peranan Alumni di Dalam Pembangunan ITM'. Bekas-bekas pengarah adalah terdiri daripada Y. Bhg. Tan Sri Arshad Ayub, Prof. Don Liggett, Y.Bhg. Dato' Dr. Awang Had Salleh dan Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Mansor Salleh dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad. Panel Alumni pula terdiri daripada YB Datuk Haji Ibrahim Ali, Y.Bhg. Dato' Salleh Majid dan juga Y.Bhg. Prof Dr. Khalifah Othman. Forum ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim Shah.

Rujukan:

Konvensyen Perdana : Sempena 40 tahun Penubuhan Institut Teknologi MARA, 1956 - 1996. (1996, April/May, Issue no.2). *Berita Alumni*, p. 1-7.



This item is available at
Jabatan Arkib Universiti

Pembudayaan Ilmu
Membentuk Adiwangsa

UITM di hatiku اوسها. تقوى. موليا

BIL: 136/MAC 2024